

Tanpa bank, usahawan gagal: PM

BH 29 AUG 1987

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata masa depan usahawan bergantung kepada sokongan institusi kewangan. Jika institusi ini enggan membantu usahawan, mereka akan bankrap, katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia kurang semangat keusahawanan di bidang perindustrian. Oleh yang demikian bank dan institusi kewangan perlu memberi bimbingan dan sokongan untuk membolehkan pengusaha berjaya memajukan perniagaan masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian di majlis makan malam tahunan institusi kewangan di sini malam ini. Majlis itu ialah kemuncak perbincangan empat hari institusi kewangan mengadakan mesyuarat tertutup dengan wakil Bank Negara untuk meninjau perkembangan ekonomi semasa.

Katanya: "Bank mempunyai tu-

gas sebagai pemimpin usahawan. Sama ada mereka maju atau mundur bergantung kepada sejauh mana institusi kewangan boleh menyokong mereka.

"Jika usahawan ini bankrap, mereka tidak lagi mampu membayar semula pinjaman yang diperolehi daripada bank. Ini akan merugikan bukan sahaja institusi berkeajaan, malah negara juga."

Antara sebab utama mengapa Malaysia tidak banyak menghasilkan usahawan ialah ketiadaan semangat gigih di kalangan ahli perniagaan. Ada antara mereka yang malas dan tidak mahu bersaing dan takut menghadapi cabaran.

Perdana Menteri mengingatkan ahli perniagaan bahawa dalam usaha negara menuju ke arah perindustrian, sudah tentu ada pihak yang akan ketinggalan. Walaupun kadar ahli perniagaan yang akan gagal, usaha mewujudkan sektor perkilangan yang berkesan tetap akan diteruskan.

Ini ialah sebahagian daripada

rancangan negara untuk mempelbagaikan ekonominya.

Usahawan memerlukan sokongan kerana tanpa bantuan itu mereka tidak akan berjaya mengatasi saingan daripada pelabur asing. Institusi kewangan perlu memberi bantuan untuk membolehkan mereka berjaya. Kerajaan sendiri tidak mungkin boleh menjamin kejayaan usahawan tanpa bantuan pihak lain.

Perdana Menteri berkata: "Bank perlu memberi simpati dan mengeluarkan bantuan kepada pekilang, terutama kepada mereka yang mengeskport hasil kilang. Bank jangan terlalu cepat mengambil tindakan terhadap pekilang yang dalam kesusahan."

Beliau mengingatkan ahli bank supaya memberi keterangan tepat mengenai perkembangan negara kepada pihak asing. Mereka bertanggungjawab membetulkan pandangan yang tidak tepat di kalangan pelabur asing mengenai iklim pelaburan dan keadaan politik negara.